

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA PELANCARAN PROGRAM BERSIH DAN INDAH
PERINGKAT KEBANGSAAN

TEMPAT: PADANG MAJLIS BANDARAYA IPOH

TARIKH: 24 JUN 1990

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Penganjur Program Bersih dan Indah kerana menjemput saya berucap merasmikan pelancaran Program Bersih dan Indah bagi seluruh Pihakberkuasa Tempatan di Malaysia. Saya mengalu-alukan penyertaan semua pihak termasuklah pihak swasta, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, badan-badan sukarela dan seluruh lapisan masyarakat dalam program ini.

2. Program Bersih dan Indah bertujuan untuk meningkatkan mutu dan kualiti hidup kita melalui kebersihan dan pengindahan alam sekitar. Kali ini, sebagai permulaan sahaja, tumpuan diberi kepada Pihakberkuasa Tempatan. Program ini akan dibuat secara menyeluruh selama lima tahun berturut-turut. Ini adalah difikirkan perlu memandangkan kurang berkesannya kempen-kempen kebersihan yang telah dilaksanakan sebelum ini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diberi tanggungjawab untuk merangka program lima tahun ini supaya lebih berkesan lagi. Pelaksanaan Program Bersih dan Indah dijangka dapat mengatasi kelemahan-kelemahan usaha-usaha yang dibuat sebelum ini. Saya berharap program ini yang dirancang dengan begitu teliti dan komprehensif akan membawa kesan yang lebih mendalam dan berpanjangan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kita memang sedar bahawa negara kita sedikit sebanyak telah mencapai peningkatan daripada segi kebersihan dan keindahan. Tetapi tahapnya masih di paras yang boleh diperbaiki lagi. Kita masih melihat kekotoran dan sampah sarap di merata-rata tempat. Kadang-kadang ini disebabkan kurangnya usaha dan penyeliaan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, dan kerap juga keadaan yang hodoh ini disebabkan oleh kurangnya minat orang ramai untuk mengurangkan perbuatan mengotor dan mencemarkan kebersihan dan keindahan alam sekitar.

4. Tema 'Rakyat Bersih Negara Sihat' menekankan bahawa untuk memastikan negara indah dan sihat, rakyat mestilah terlebih dahulu menyanjung tinggi kebersihan sebagai sebahagian yang penting dalam amalan kehidupan kita. Kebersihan hendaklah dijadikan sebahagian daripada budaya bangsa, budaya yang bukan sahaja diperkatakan tetapi juga diamalkan dalam kehidupan harian. Sebenarnya tidak ada jentera atau pentadbiran yang boleh membersihkan keadaan

sekeliling jika rakyat mengotorkannya sepanjang masa. Walaupun diadakan pasukan pembersih yang amat besar, keadaan kotor akan terus ada jika kita selalu mengotorkan persekitaran kita. Kebersihan alam sekeliling banyak bergantung kepada setakat mana orang ramai sanggup mengurangkan perbuatan yang mengotorkan sekeliling kita.

5. Kita boleh mengadakan undang-undang demi undang-undang dan juga berbagai-bagai jenis hukuman. Tetapi kita tidak mungkin mengadakan jentera yang cukup untuk mengawasi tiap-tiap seorang di mana juga ia berada untuk menentukan ia didakwa dan dihukum apabila sahaja ia melanggar undang-undang kebersihan. Tidak akan ada mahkamah yang cukup atau masa yang cukup jika kita hendak bergantung kepada undang-undang untuk menentukan keadaan sekeliling kita bersih.

6. Hanya yang boleh menjamin kebersihan ialah sikap kita terhadapnya. Jika kebersihan sudah menjadi sebahagian daripada budaya kita iaitu satu tabiat yang ada pada tiap seorang daripada kita, jika kita pandang serong dan keji akan amalan yang tidak bersih, maka tanpa apa-apa jentera penguatkuasa keadaan alam sekeliling akan menjadi bersih. Di samping itu, kita akan menyelamatkan puluhan juta wang negara yang boleh kita gunakan untuk lain-lain rancangan bagi manfaat kita semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kebersihan dan keindahan juga mempunyai dimensi ekonomi. Ia bukan sahaja boleh mewujudkan peluang perniagaan tetapi juga peluang pekerjaan yang banyak kepada negara dan rakyat. Sampah sarap yang kita buang sebanyak 0.7 kilo seorang sehari, ataupun 10,500 tan sehari bagi seluruh Malaysia, boleh melahirkan satu industri penggunaan semula atau 'recycling industry' yang menguntungkan. Adalah dianggarkan barang-barang yang dibuang seperti logam, kaca, kertas dan lain-lain lagi sekiranya diproses dan digunakan semula akan dapat melahirkan peluang perniagaan sebanyak lebih daripada satu billion ringgit setiap tahun. Selain daripada itu ia boleh mengurangkan kos berbagai-bagai jenis barang melalui pemerosesan semula atau recycling.

8. Salah satu daripada aktiviti Program Bersih dan Indah ini melibatkan kempen nasional mengenai penggunaan semula barang-barang logam yang terbuang seperti kereta terbuang, botol, barang-barang aluminium dan sebagainya. Kempen ini memerlukan orang ramai menjual kereta-kereta dan barang-barang besi yang terbiar kepada kilang-kilang besi waja seperti Syarikat Perwaja di Terengganu. Sekiranya kempen ini berjaya, ianya sudah pasti akan dapat membantu bukan sahaja Syarikat Perwaja dalam mendapatkan bahan mentah besi yang mencukupi tetapi juga dapat menjimatkan beratus-ratus juta ringgit matawang asing untuk membeli scrap-iron dari luar, di samping mewujudkan peluang perniagaan dan pendapatan kepada rakyat. Perkara yang sama juga boleh dibuat dengan bahan yang terbuang seperti kayu-kayan, botol-botol, kertas-kertas kad-board dan lain-lain lagi yang kesemuanya boleh digunakan semula. Dalam keadaan tertentu,

sampah boleh digunakan sebagai bahan api untuk menjanakuisakan elektrik.

9. Satu amalan yang perlu dipupuk ialah suri rumah mengasingkan bahan-bahan yang boleh diproses semula daripada lain-lain sampah, dan memasukkannya ke dalam beg plastik yang berasasingan. Di negara-negara maju kutipan sampah tidak akan dibuat jika pengasingan seperti ini tidak dilakukan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Pelaksanaan Program Bersih dan Indah ini juga boleh mempertingkatkan permintaan kepada barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang berkaitan dengan industri kebersihan dan keindahan seperti kilang-kilang membuat karung plastik, tong sampah, mesin-mesin pemotong rumput, jentera-jentera lori pembersih sampah di pantai dan kilang-kilang rawatan sisa-sisa pepejal. Dengan permintaan yang bertambah, kilang-kilang berkenaan akan berupaya mempertingkatkan pengeluaran masing-masing. Kesemua ini akan menambah peluang-peluang perniagaan, pekerjaan dan pendapatan rakyat Malaysia di samping menurunkan kos sara hidup secara am.

11. Kebersihan dan keindahan boleh memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan industri pelancongan di Malaysia. Negara kita yang lebih bersih dan indah akan dapat menarik lebih ramai pelancong, terutamanya pelancong dari luar negeri. Kedatangan pelancong dengan ramai sudah pasti akan meningkatkan pendapatan rakyat kita yang berada dalam industri pelancongan, dan menambahkan pengaliran matawang asing ke dalam negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Sukacita saya menyatakan bahawa Bandaraya Kuala Lumpur telah menjadi bandar yang paling bersih di Malaysia. Apabila berada di Bandaraya Kuala Lumpur sekarang, kita merasakan ada satu kelainan daripada segi kebersihan dan keindahan jika dibandingkan dengan keadaan beberapa tahun dahulu. Pencapaian cemerlang pihak Bandaraya Kuala Lumpur daripada segi kebersihan dan keindahan sepatutnya dicontohi oleh pihak berkuasa tempatan yang lain dalam usaha meningkatkan kebersihan dan keindahan di kawasan masing-masing. Rakyat Malaysia, terutamanya penduduk Kuala Lumpur, sekarang berbangga dengan ibukota negara. Keadaan seperti ini sepatutnya juga wujud di semua bandar lain. Pihak penguasa tempatan hendaklah berusaha supaya penduduk-penduduk boleh berbangga dengan bandar-bandar di mana mereka tinggal.

13. Saya percaya dengan adanya penglibatan semua pihak, segala usaha yang telah kita lakukan untuk menjadikan negara kita sebagai pusat pelancongan yang terkenal akan menjadi kenyataan dalam masa yang singkat. Kita telah banyak berbelanja untuk mengiklankan negara kita di luar negeri untuk menarik para pelancong. Kita tidak mahu pula pelancong-pelancong yang datang ini merasai bahawa Malaysia hanyalah merupakan sebuah negara yang indah khabar daripada

rupa. Sekiranya iklan-iklan kita mengatakan yang negara kita adalah sebuah negara yang bersih dan indah, maka itulah gambaran yang perlu kita semua perlihatkan kepada para tetamu luar negeri semasa mereka berada di Malaysia.

14. Daripada segi kesihatan pula, umum mengetahui akan peranan kebersihan dalam mencegah merebaknya berbagai-bagai jenis penyakit. Lalat dan nyamuk yang menjadi vector bagi penyakit-penyakit yang boleh membawa maut, membiak dengan mudah dalam sampah sarap dan tin-tin kosong yang berisi air. Berbagai-bagai jenis kuman muncul dan kembang subur dalam sampah yang reput dan busuk.

15. Tentulah jelas daripada apa yang telah saya sebutkan bahawa kebersihan membawa banyak manfaat kepada kita semua. Kehidupan kita bukan sahaja menjadi lebih selesa daripada segi pemandangan dan iklim yang nyaman, tetapi juga kita akan menjadi manusia yang lebih sihat. Seseorang yang sihat mempunyai kemampuan berdayamaju lebih daripada yang letih dan yang selalu diganggu oleh bermacam-macam penyakit. Pendekata, persekitaran yang bersih membawa kejayaan yang lebih tinggi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Memang tidak dapat dinafikan bahawa walaupun berbagai-bagai kempen telah diadakan oleh kerajaan berkaitan dengan kebersihan dan keindahan, masih terdapat ramai lagi rakyat Malaysia yang tidak mengambil berat perkara ini. Ini mungkin kerana terdapat segolongan rakyat yang mempunyai tabiat tidak memedulikan kebersihan dan keindahan. Kalau sukapun, ada pula mereka yang menggunakan 'double-standard' -- mementingkan kebersihan dan keindahan di dalam rumah masing-masing tetapi di luar rumah, mereka tidak mengambil berat tentang kebersihan dan membuang sampah di mana-mana mereka suka. Tabiat ini perlu dikikis dan dibendung mungkin melalui program-program yang bercorak didikan yang memberi kesedaran kepada mereka.

17. Ada kalanya kerajaan terpaksa mengambil tindakan undang-undang untuk mendisiplinkan rakyat supaya menjadi bersih dan sihat. Mungkin sudah sampai masanya bagi kita memperkenalkan satu undang-undang anti kekotoran yang baru. Mungkin di bawah undang-undang ini, sesiapa yang melakukan kekotoran akan didenda dan dihukum menjalankan kerja-kerja membersihkan kawasan-kawasan yang mereka kotori. Cara ini bukan sahaja memberi pengajaran kepada orang ramai tetapi juga akan dapat mengubah sikap mereka secara positif. Tindakan ini bukanlah satu tindakan yang agak melulu kerana di negara-negara maju sekalipun, undang-undang seperti ini telahpun dilaksanakan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

18. Saya sekali lagi ingin menekankan akan pentingnya kebersihan menjadi sebahagian daripada budaya bangsa Malaysia. Untuk mencapai tujuan ini, didikan dan semaian nilai yang baik berkenaan dengan kebersihan dan keindahan perlu dibuat oleh ibu bapa di rumah, guru-guru di sekolah

dan ketua-ketua di tempat kerja. Didikan dan asuhan hendaklah dibuat sepanjang masa sehingga rakyat Malaysia memandang jijik sebarang kekotoran dan amalan yang kotor.

19. Apabila kebersihan sudah menjadi darah daging atau sebati dengan kita rakyat Malaysia, apabila kita tidak boleh 'tolerate' bau busuk dan kekotoran, apabila kita berasa malu jika kita kotor dan mengotorkan alam sekeliling, maka dengan sendirinya kekotoran akan berkurangan dan pencemaran tidak lagi akan menjadi masalah serta beban yang berat kepada masyarakat.

20. Justeru itu, tumpuan hendaklah diberikan kepada penyemaian sikap yang bersih di kalangan kita melalui didikan dan teladan. Tiap seorang daripada kita, terutama apabila kita mengetuai sesuatu kumpulan, kecil atau besar, harus menunjukkan teladan yang baik sepanjang masa. Jika kita sendiri tidak kotor dan tidak pula mengotorkan, insya-Allah anak-anak buah kita akan mengikuti amalan kita dan akan menjunjung tinggi kebersihan serta segala amalan yang menjaga kebersihan sekeliling kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

21. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya ke majlis ini. Saya berharap Program Bersih dan Indah yang akan dilaksanakan selama lima tahun berturut-turut ini akan disambut baik oleh rakyat dan mencapai matlamatnya.

22. Dengan ini, saya dengan rasminya mengisytiharkan pelancaran Program Bersih dan Indah Peringkat Kebangsaan ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.